

# Adab Penggunaan Platform Media Sosial

NURUL SYAFAWANI BINTI HALIM & SHARINA SALMI AZMI

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Kampus Seremban

Sedar atau tidak, hari ini kita lebih banyak menggunakan platform media sosial untuk berkomunikasi berbanding komunikasi interpersonal sesama manusia. Keadaan ini dilihat lebih ketara ketika seluruh dunia dilanda wabak Covid-19, di mana kita tidak dapat melakukan perjumpaan secara fizikal dan hanya berkomunikasi secara maya sahaja.

Konsep komunikasi hari ini telah berubah seiring dengan peredaran zaman. Sebelum kemunculan media sosial, ucapan lisan yang disertai oleh bahasa tubuh, nada suara dan reaksi wajah menjadi medium utama komunikasi sesama manusia di dalam penyebaran sesuatu maklumat. Kini, hanya satu penulisan, gambar atau video yang dimuat naik ke laman media sosial sudah lengkap menjadi syarat perhubungan manusia. Kemunculan pelbagai aplikasi media sosial seperti Facebook, Instagram, WhatsApp, Wechat, Twitter, Youtube dan sebagainya pada zaman penggunaan teknologi yang serba canggih ini telah mempengaruhi corak kehidupan masyarakat terutamanya dari segi adab penggunaan media sosial itu sendiri serta penyampaian maklumat kepada masyarakat sekeliling.



Adab-adab penggunaan media sosial bukanlah bertujuan untuk menyekat kebebasan seseorang dalam menyatakan isi hati masing-masing, tetapi ia adalah bagi memastikan agar seseorang itu berjaya menjadi insan yang bertaqwa kepada Allah SWT, sekaligus menunjukkan imej seorang Muslim yang berakhlak mulia. Semua pengguna media sosial seharusnya mengetahui dan mengamalkan adab berkomunikasi melalui Internet.

Antaranya, mengelakkan perlakuan kurang sopan dan penggunaan kata-kata kesat ketika berkomunikasi di alam siber. Merujuk kepada prinsip kesopanan dan kesusilaan dalam tonggak Rukun Negara, ia adalah berkaitan dengan praktikaliti hubungan dalam kalangan rakyat Malaysia. Nilai ini adalah inti sari-


komunikasi yang seharusnya diamalkan dalam perhubungan manusia, dan dikaitkan dengan tahap peribadi individu (Lim, 2003). Disebabkan oleh pelbagai perubahan persekitaran, sifat keterbukaan dalam ruang siber menyebabkan sifat kesopanan dan kesusilaan yang merujuk kepada budi telah terhakis sedikit demi sedikit (Romlah, 2016).

Di samping itu, amalan berkongsi maklumat melalui platform media sosial adalah perkara biasa yang dilakukan oleh kebanyakan ahli masyarakat. Lazimnya, perkongsian sesuatu maklumat dibuat adalah kerana merasakan maklumat yang dikongsi adalah penting dan dapat memberi manfaat kepada orang lain. Walau bagaimanapun, permasalahan serius boleh berlaku oleh kerana sikap kurang bertanggungjawab sesetengah pengguna media sosial yang menggunakan platform tersebut bagi tujuan menghina, membuli serta mencerca seseorang.

Jika terdahulu, identiti individu yang menghina, mencemooh dan mempersendakan individu lain mudah dikenali kerana fizikalnya kelihatan, tindakannya jelas, perkataannya didengari secara langsung dan tingkah laku dilakukan secara bersemuka. Tetapi kini, cercaan, hinaan dan buli berlaku tanpa diketahui siapa pelakunya, hanya dikesan sebagai identiti penulis tanpa nama, muka dan suara.

Selain itu, amalan berkongsi maklumat palsu atau tidak sah juga boleh membawa kepada permasalahan lebih besar sekiranya terdapat pihak-pihak tertentu yang mengambil kesempatan untuk menambah "perisa" kepada cerita yang tidak dapat dipastikan kebenaran, ketepatan atau kesahihannya terlebih dahulu. Tanpa disedari, penulis mungkin telah membuka aib seseorang di mana perbuatan ini adalah sangat tidak wajar dan beretika untuk dilakukan. Perbuatan "kongsi maklumat" ini boleh membawa padah apabila perkara yang dikongsi tidak memberikan manfaat, sebaliknya membawa mudarat.

Sekiranya seseorang membuat hantaran (*posting*) di platform media sosial tentang perkara yang tidak sah, individu tersebut akan digambarkan sebagai seorang yang suka bergosip dan suka menjaja hal orang lain. Secara tidak langsung, keperibadian sebenar seseorang penulis itu telah ditunjukkan tanpa disedari.



Hasil perlakuan buruk yang sebegini, terdapat individu yang berhadapan kritikan dan hentaman yang boleh meruntuhkan semangat diri. Lebih malang, hal ini juga dapat memberi gangguan psikologi dan emosi yang akhirnya membawa kepada tindakan tidak rasional oleh seseorang. Maka, semua pengguna media sosial hendaklah menjaga adab-adab ketika menggunakan laman media sosial bagi mengelakkan perkara sedemikian berlaku kepada diri sendiri, keluarga mahupun rakan-rakan.



#### Rujukan

- Lim, K. H. (2003). *Budi as the Malay Mind: A Philosophical Study of Malay Ways of Reasoning and Emotion in Peribahasa*. Unpublished Dissertation. University of Hamburg, Germany.
- Ramli, R. (2016). Sejauhmana kebebasan dalam media sosial: peradaban sosial dan privasi dalam sempadan keagamaan. *Journal of Techno-Social*, 8(1). <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/JTS/article/view/1361>